

NEW BEGINNING

"Kat tempat orang, iboh berolah, belajar bena-bena, iboh molah nak pelik-pelik". Pesanan yang sentiasa ternglang-nglang sehingga sekarang. Tahun 2010 merupakan tahun keramat yang akan diingat sehingga ke akhir hayat kerana bermulanya pengembaraan dalam menuntut ilmu di menara gading. Pertama kali mendaftar sebagai seorang mahasiswa di UITM Puncak Perdana tanpa iringan keluarga mengajar erti bersyukur kerana dapat melanjutkan pelajaran pada peringkat ini. Betapa besar harapan orang tua dan keluarga supaya anaknya dapat memperoleh kejayaan dan dapat membanggakan keluarga.

Alhamdulillah, berkat doa orang tua dan usaha, akhirnya berjaya menghabiskan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana, Graduate on Time (GOT). Insan ini juga mendapat peluang melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Kedoktoran dan juga pernah menghadiri mini kolokium di Universiti Ramkhamhaeng, Thailand and I was telling myself at that time, let my dreams fly. I marvel all the opportunities that were given to me and squeezed every drop of it.

Pada tahun 2020, pengajian Ijazah Kedoktoran terpaksa dilepaskan atas faktor komitmen kerja dan juga kerana telah mengambil dua kali cuti khas pengajian. Walaupun berat hati untuk meletakkan noktah pada keringat yang telah diperah, tetapi keputusan harus dibuat.



One thing as certain as day and night is that you will face failure. There's nothing you can do to avoid it; what you do afterward will shape your future. Remember, the only way to overcome failure is to move forward and learn from it. As the saying goes, you'll never truly appreciate success until you've experienced failure."

Alhamdulillah, pada bulan Jun 2024, telah mendapat perkhabaran yang sangat gembira iaitu tawaran jawatan tetap sebagai seorang pensyarah di UITM Cawangan Sarawak. Lebih menggembirakan lagi apabila dapat berkhidmat dalam fakulti dan bidang yang diceburi semasa pengajian dahulu. Insya-Allah sekiranya ada peluang, pengajian yang terbengkalai dahulu akan dimulakan semula di samping tidak mengabaikan objektif utama untuk mendidik anak bangsa.

Last but not least, don't ever forget your roots. Remember where you came from because it's truly what defines you. UITM DI HATIKU.

Sincerely,
KD